

29/10/1999

Afrika Selatan pelawa bina hotel 5 bintang

Azli Ayob

PELABUR Malaysia dipelawa membuka hotel bertaraf lima bintang di bandar raya utama Afrika Selatan bagi menampung keperluan industri pelancongan negara itu yang kian berkembang pesat.

Menteri di Pejabat Presiden Afrika Selatan, Dr Essop Pahad berkata, sektor perhotelan antara sektor penting yang perlu dibangunkan di negara itu kerana mempunyai potensi pertumbuhan cerah.

"Industri pelancongan di Afrika Selatan sudah terkenal di dunia tetapi bilangan hotel lima bintang masih berkurangan," katanya pada pertemuan di Seri Kembangan, Selangor, baru-baru ini.

Dr Pahad berkata, sektor pelancongan di negara itu mempunyai potensi pelaburan besar dan antara sektor ekonomi yang mencatatkan pertumbuhan pantas.

Katanya, sektor lain yang boleh diterokai ialah telekomunikasi dan perlombongan.

Afrika Selatan adalah pengeluar emas, platinum, berlian, aluminium dan zink terbesar di dunia.

Kerajaan Afrika Selatan katanya, sentiasa mengalu-alukan pelaburan dari seluruh dunia dan menyediakan beberapa insentif mengikut sektor tertentu.

Dr Pahad berkata, kerjasama ekonomi Malaysia-Afrika Selatan yang menggalakkan adalah faktor yang memudahkan lagi proses penerokaan pasaran dan peluang pelaburan antara kedua-dua negara.

Katanya, Afrika Selatan sebaliknya mempunyai kepakaran dalam industri pertahanan dan teknologi perlombongan yang boleh ditawarkan kepada Malaysia.

Selain itu, Pahad yang berada di Kuala Lumpur untuk menghadiri Forum Perniagaan Asia-Afrika berkata, Afrika secara umumnya menyediakan banyak peluang pelaburan baru kepada pelabur Asia terutama dalam sektor prasarana dan pembinaan.

"Pelabur juga boleh meneroka peluang dalam kegiatan hiliran dan perlombongan berdasarkan semangat Selatan-selatan," katanya.

Konsep kerjasama Selatan-Selatan yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya mesti diguna pakai bagi memastikan kejayaan kepada cadangan asal kewujudannya.

"Afrika Selatan dan Malaysia boleh menjadi peneraju usaha bagi mempercepatkan kerjasama ini," katanya.

Kerjasama itu katanya, menjadi lebih berkesan jika masalah ekonomi utama yang dihadapi negara Selatan-Selatan dan beban hutang negara termiskin dapat ditangani dan proses pembaharuan sistem kewangan global dipercepatkan.

(END)